




MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**KENYATAAN SEBUT HARGA 'B'**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang masih sah tempoh pendaftaran syarikat dan mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG
MPPD SH 70/2017	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	220801

2. Dokumen Sebut Harga yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :-
- Lampiran Q;
  - Lampiran A – Contoh dan lampiran harga;
  - Lampiran B – Surat Akuan Pembida;
  - Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
  - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
  - Salinan Penyata Bank Syarikat.
3. Borang Sebut Harga boleh diperolehi dan dimuat turun mulai <sup>17</sup> Julai 2017 secara percuma melalui laman web [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my).
4. Dokumen Sebut Harga di atas hendaklah dihantar melalui faksimili di nombor 06-6463475 ATAU emel kepada [sayani@mppd.gov.my](mailto:sayani@mppd.gov.my) sebelum tarikh tutup iaitu **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 19 Julai 2017**. Dokumen yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Digalakkan menghantar dokumen awal bagi mengelak kesesakan di mesin faksimili atau emel yang boleh menyebabkan sebut harga syarikat tuan tidak dapat dipertimbangkan.
5. **Tempoh sah laku** sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya **60 hari** selepas tarikh tutup.
6. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**. Mana-mana syarikat yang tidak menerima pemakluman selepas 45 hari dari tarikh tutup sebut harga dianggap tidak Berjaya.
7. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila berhubung Puan Sayani Binti Daud di talian 06-6471122 sambungan 1210.

Tandatangan :   
Nama Pegawai : **HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM**  
Yang DiPertua  
Jawatan : **Majlis Perbandaran Port Dickson**  
Tarikh : **14.07.2017**



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
71009 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN**

**NASKAH SEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI  
MENGIRINGI DAN MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK  
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

**NOMBOR SEBUT HARGA: MPPD SH 70/2017**

LAMPIRAN Q

(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila  
nyatakan nombor ini

NO. SEBUTHARGA
MPPD SH 70/2017

Kew.284.Pin . 5/94

KERAJAAN MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN  
MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian  
daripada Perjanjian Sebut harga .

Kepada (Nama Syarikat)  
.....  
.....  
.....  
No. Telefon : .....

No.Pendaftaran dengan Kementerian  
Kewangan : .....


Kod Bidang Pendaftaran yang relevan  
dengan pembelian ini .....

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh:  
Majlis Perbandaran Port Dickson  
KM 1, Jalan Pantai, 71009  
Port Dickson, Negeri Sembilan  
No Telefon : 06-6471122

Tarikh : .....

1. Sila beri sebut harga untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada  
syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan mengikut spesifikasi.
- 1.1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **SEGERA**.
- 1.1.3. Arahan pengiriman dihantar terus ke Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Port Dickson.
- 1.1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **MPPD SH 70/2017**.
- 1.1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengahari** pada **19 Julai 2017**
- 1.1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan :   
Nama Pegawai : **HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM**  
Yang DiPertua  
Jawatan : **Majlis Perbandaran Port Dickson**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Mengiringi Dan Menghantar Wang Ke Bank Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</li> <li>• Memiliki lesen <b>Kementerian Dalam Negeri</b></li> <li>• Sila sertakan sesalinan penyata akaun bank terkini.</li> </ul>	<b>*Sila rujuk senarai lampiran</b>	<i>*Untuk diisi oleh Penyebut Harga</i>	
			<b>Jumlah (RM)</b>	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebut Harga :.....

Nama dan K/P :.....

Alamat Syarikat :.....  
 .....  
 .....

Tarikh :.....

## Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

### A ) ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

#### 1. HAK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON UNTUK MENERIMA/ MENOLAK SEBUT HARGA

Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

#### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

##### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

##### 2.1.1 Dokumen Tawaran Harga

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga **(Lampiran Q)**
- b) Borang Akuan Sebut Harga **(Lampiran A)**
- c) Surat Akuan Pembida **(Lampiran B)**
- d) Keterangan Mengenai Penyebut Harga **(Lampiran C)**
- e) Jadual Sebut Harga **(Lampiran D)**

##### 2.1.2 Dokumen Tawaran Teknikal

- (a) Senarai Perkhidmatan yang sedang dilaksanakan **(Lampiran E)**
- (b) Pengalaman Syarikat dalam Bidang kerja yang sama **(Lampiran F)**

**\* Kesemua Dokumen a) hingga b) hendaklah dimasukkan dalam satu sampul dan ditulis “ Dokumen Tawaran Teknikal ” Syarikat juga dilarang menulis atau meletakkan apa-apa pengenalan syarikat dalam Dokumen Tawaran Teknikal.**

2.1.3 Kedua-dua Tawaran Harga dan Tawaran Teknikal kemudian dimasukkan dalam satu sampul surat dan dilakri sebelum dihantar.

\* Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Syarikat hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

## **2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **MPPD SH 70/2017** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

## **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Puan Zawidatulaida Bt Md Nor ditalian **06-6471122** untuk penjelasan lanjut:-

## **3. TEMPOH PERKHIDMATAN**

Perkhidmatan ini diperlukan untuk tempoh **SATU(1) TAHUN**.

## **4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## 5. **TEMPAT PENYERAHAN SEBUT HARGA**

Sebut harga perlu dihantar secara serahan tangan atau pos di alamat:

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Perbandaran Port Dickson  
Km 1, Jalan Pantai  
71009, Port Dickson, Negeri Sembilan

## B. **SYARAT-SYARAT AM**

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam perlawanan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### 1. **KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA**

Kontraktor yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Pecahan Kepala **220801** untuk **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan** dan memiliki lesen **Kementerian Dalam Negeri** dan salinan hendaklah disertakan bersama-sama tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada pihak yang berkenaan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.

## **2. HARGA TAWARAN**

2.1 Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan.

2.2 Harga-harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

2.3 Harga-harga yang ditawarkan adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga.

2.4 Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi dan mempamerkan jadual harga serta mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

## **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

## **4. PERSETUJUAN**

4.1 Majlis Perbandaran Port Dickson tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Kerajaan tidak terikat untuk melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga yang berkenaan.

4.2 Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.



4.3Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

## 5. **BON PELAKSANAAN**

Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM200,000.00, Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan.

## 6. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

6.1Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran B** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida juga hendaklah dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.

6.2Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah dibawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

6.3Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan

berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

6.4 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor atau Pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

6.5 Mana-mana Kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

8.1 Perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada perkhidmatan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

8.2 Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai perkhidmatan yang ditolak itu; dan

8.3 Fasa 9.1 dan 9.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **10. INSURANS**

10.1 Penyebut harga hendaklah atas nama bersama Majlis Perbandaran Port Dickson dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insuran Perlindungan/Pampasan Pekerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir ringkasan sebut harga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan tawaran.

10.2 Penyebut harga yang telah berjaya hendaklah mengemukakan semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

## **11. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**12. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**13. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**14. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Peraturan-peraturan yang dinyatakan selepas ini adalah merupakan peraturan kerja rasmi. Penggunaannya adalah meliputi peraturan kerja wajib dilaksanakan oleh semua pengawal keselamatan.

# **PENENTUAN SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

## **1. SYARAT-SYARAT KHAS**

1.1 Tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan pada tiap-tiap hari bekerja:-

- i) Mengendali dan menyempurnakan tugas kawalan keselamatan (bersenjatapi) bagi mengiringi dan menghantar wang dari Majlis Perbandaran Port Dickson ke Bank Tempatan di Daerah Port Dickson.
- ii) Mengendali dan menyempurnakan kawalan keselamatan menghantar dan mengembalikan kutipan Penyata Pemungut dengan karung yang telah di 'seal' dan hanya boleh dibuka di dalam kaunter bank oleh pegawai bank yang dipertanggungjawabkan sahaja pada hari yang sama.

1.2 Syarikat dikehendaki menyediakan dan memeterai dengan setem surat perjanjian. Isi perjanjian yang mengandungi terma dan syarat yang akan disediakan hendaklah mendapat persetujuan bersama dengan Kerajaan sebelum dimeterai dengan setem.

1.3 Sebarang kecuaiian atau kehilangan ketika mengiringi dan menghantar wang ke Bank yang terbukti disebabkan oleh kecuaiian Pengawal Keselamatan Syarikat adalah menjadi tanggungjawab pihak Syarikat sepenuhnya untuk menanggung dan membayar segala kerugian yang di hadapi Kerajaan yang nilainya adalah tidak kurang daripada nilai perolehan asal harta tersebut.

1.4 Syarikat hendaklah menyediakan dan menyerahkan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson biodata berserta gambar (saiz passport) bagi semua Pengawal Keselamatan yang mengiringi dan menghantar wang ke bank tempatan di dalam Daerah Port Dickson. Sebarang pertukaran Pengawal Keselamatan hendaklah diberitahu kepada Majlis Perbandaran Port Dickson dengan serta merta.

## **2. SPESIFIKASI PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN**

2.1 Kawalan keselamatan dengan bersenjata api mengiringi dan menghantar wang dari Majlis Perbandaran Port Dickson ke Bank Tempatan dalam Daerah Port Dickson hendaklah dibuat pada setiap hari dalam waktu bekerja mulai hari **Isnin hingga Jumaat** dengan menaiki kenderaan Syarikat.

2.2 Semua Pengawal keselamatan yang bertugas hendaklah:-

- i) Terdiri daripada Warganegara Malaysia sahaja berumur antara 18 hingga 56 tahun;
- ii) Sihat tubuh badan, (sesalinan Sijil Pengesahan Perubatan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson sebelum anggota berkenaan mula bertugas);
- iii) Merupakan anggota yang terlatih dalam bidang kawalan keselamatan termasuk perhubungan awam dan kawalan trafik;
- iv) Tiada mempunyai catatan rekod jenayah dan bukan penagih dadah;
- v) Berpakaian seragam lengkap bersenjata api dengan tanda nama bagi yang bertugas mengiringi dan menghantar wang ke Bank.

2.3 Mutu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memuaskan dan hanya sah dengan perakuan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis Perbandaran Port Dickson.

2.4 Syarikat dikehendaki menyediakan Buku kedatangan Bertugas dan Buku Laporan Harian untuk catitan harian Pengawal Keselamatan.

**(LAMPIRAN A)**

**BORANG AKUAN SEBUT HARGA**

Kepada:

.....  
.....  
.....

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: MPPD SH 70/2017

Tuan,

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebut harga, pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Mengiringi Dan Menghantar Wang Ke Bank Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak serta bersetuju dengan spesifikasi yang ditetapkan berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Am kepada Penyebut harga, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai perkhidmatan yang ditawarkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, pihak yang bertanda tangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan dan penghantaran mengikut Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebutharga yang diberikan. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebutharga.

Tandatangan  
Penyebut harga :.....

Tandatangan kepada  
saksi Penyebut harga:.....

Nama dan Alamat :.....  
Syarikat :.....  
Tarikh :.....

Nama dan Alamat :.....  
Syaraikat :.....  
Tarikh :.....



**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON (NOMBOR SEBUT HARGA: MPPD 70/2017)**

Saya,.....,Nombor K.P .....yang mewakili .....(Nama Syarikat) Nombor Pendaftaran .....atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau member rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Port Dickson atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengistiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Port Dickson** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut Peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti diatas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :  
No. KP :  
Cop Syarikat :

Catatan : \*Potong mana yang tidak berkenaan

**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA**

**1. NAMA PENYEBUT HARGA :**  
(Syarikat)

**2. ALAMAT PENYEBUT HARGA :**

i. Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

ii. Cawangan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**3. TELEFON PENYEBUT HARGA :**

i. Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_

ii. Cawangan : \_\_\_\_\_

iii. No. Fax : \_\_\_\_\_

**4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN :**

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : \_\_\_\_\_

(Sila sertakan salinan sijil ) Hingga : \_\_\_\_\_

4.2. Taraf Penyebut harga : \*Bumiputra/Bukan Bumiputra  
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan  
oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

**5. LESEN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

5.1Tempoh Pendaftaran Mulai : \_\_\_\_\_  
(Sila sertakan salinan sijil ) Hingga : \_\_\_\_\_

**6. MODAL PENYEBUT HARGA : (Isi mana yang berkenaan sahaja)**

6.1Perseorangan/Perkongsian : RM \_\_\_\_\_

6.2Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

6.2.1 Modal Dibenar : RM\_\_\_\_\_

- Modal Dibayar : RM\_\_\_\_\_
- **Penyebut harga WAJIB menyertakan FORM 24**

**Companies Act,**

**1965 (RETURN OF ALLOTMENT OF SHARES).  
Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan  
menyebabkan Sebut harga  
tidak akan dipertimbangkan.**

**7. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)**

7.1Perseorangan :

Nama Pemilik : \_\_\_\_\_ No. K/P: \_\_\_\_\_

7.2Perkongsian :

Nama Pekongsian	No. K/Pengenalan	% Kongsian

### 7.3 Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. K/Pengenalan	% Bahagian

### 7.4 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. K/Pengenalan	Keturunan

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

## 8. **PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR** (Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut harga dikeluarkan)

- Penyebut harga WAJIB menyertakan PENYATA KEWANGAN ini. Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

(LAMPIRAN D)

**JADUAL SEBUT HARGA  
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN MENGHANTAR  
WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

1. Harga tawaran daripada syarikat kami/saya adalah :

- i. Dari MPPD (Pejabat Yang DiPertua (Pejabat Blok A)) ke Bank RM \_\_\_\_\_ /  
Sekali Penghantaran
- ii. Caj 6 % GST Dari MPPD (Pejabat Yang DiPertua (Blok A)) ke Bank RM \_\_\_\_\_ /  
Sekali Penghantaran
- iii. Dari MPPD (Pejabat di Terminal Bas Port Dickson) ke Bank RM \_\_\_\_\_ /  
Sekali Penghantaran
- iv. Caj 6 % GST Dari MPPD (Pejabat di Terminal Bas Port Dickson) ke Bank RM \_\_\_\_\_ /  
Sekali Penghantaran

(LAMPIRAN E)

**SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN SYARIKAT**

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

(LAMPIRAN F)

**PENGALAMAN SYARIKAT DALAM BIDANG KERJA YANG SAMA DENGAN SEBUT HARGA  
YANG DITAWARKAN**

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	